

PERMOHONAN RM1,500 WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP) PTPTN UNTUK PELAJAR DIPLOMA B40 IPTS

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) adalah inisiatif baru PTPTN berjumlah RM1,500 bagi pelajar baru Diploma B40 IPTS termasuk TAR UMT. Pelajar ditawarkan WPP akan dapat tunai tawaran WPP sebelum kelulusan pinjaman pendidikan. Pemotongan sebanyak RM500.00 setiap semester daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dilakukan secara automatik apabila pinjaman diluluskan.

Syarat Kelayakan Penerima WPP Pelajar Diploma B40 IPTS

1. Pelajar Warganegara Malaysia.
2. Penjaga pelajar/ Pelajar mestilah Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).
3. Pelajar hendaklah telah mendaftar semester 1 di IPTS (termasuk TAR UMT) bagi peringkat pengajian Diploma sepenuh masa selewat-lewatnya pada atau sebelum 30hb bulan permohonan WPP dihantar.
4. Pelajar hendaklah memohon WPP selepas membuat permohonan pinjaman (Kelompok Pertama sahaja) di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) mengikut Kemasukan/Pengambilan yang tertera di surat tawaran TAR UMT.
5. Tiada hutang pinjaman PTPTN.

Panduan Memohon WPP

Untuk garis panduan memohon WPP, sila layari sesawang di bawah:-

❖ https://www.ptptn.gov.my/wp-content/uploads/2022/04/manual_permohonan_wpp_diploma_b40_ipts.pdf

Tarikh Permohonan & Semak/Cetak Tawaran WPP

Kemasukan TAR UMT (Intake)	Tarikh Permohonan WPP	Pendaftaran di TAR UMT sebagai Pelajar Baru	Jangkaan Tarikh Semak/Cetak Surat Tawaran WPP	Catitan
Jun 2023	1-15 Jun 2023	Selewat-lewatnya 30 Jun 2023	9 Jul 2023	<ul style="list-style-type: none">• Tempoh sah laku tawaran WPP adalah 2 bulan dari tarikh dikeluarkan.• Tawaran WPP boleh dituai di mana-mana kaunter Bank Islam.
Nov 2023	1-15 Okt 2023	Selewat-lewatnya 30 Okt 2023	9 Nov 2023	
Feb 2024	1-15 Jan 2024	Selewat-lewatnya 30 Jan 2024	9 Feb 2024	

Student Financial Aid Unit
Department of Student Affairs
(Information updated as April 2023)